

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD
[SETIAWANGSA]**

SOALAN

TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD [SETIAWANGSA] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan Insurans Pekerjaan :-

- (a) berapa jumlah pekerja yang berdaftar di bawah Sistem Insurans Pekerjaan pada 2018 dan 2019; dan
- (b) berapa jumlah wang yang dibayar dan bilangan pekerja yang mendapat manfaat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, statistik jumlah pekerja mencarum di bawah Sistem Insurans Pekerjaan pada tahun 2018, 2019 dan 2020 adalah seperti berikut;

Tahun	Pekerja Mencarum
2018	6.1 juta
2019	6.9 juta
2020	6.4 juta (Sehingga Mei 2020)

2. Manakala jumlah kutipan caruman di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) pada tahun 2018 berjumlah RM560.8 juta dan RM651.6 juta pada tahun 2019. Bagi tahun ini, sehingga April 2020, sejumlah RM 225.4 juta telah diterima.

3. Berhubung tuntutan dan bayaran faedah SIP pada tahun 2018 sebanyak RM17.2 juta bayaran faedah SIP yang melibatkan sebanyak 28,550 tuntutan faedah telah dibuat. Manakala bagi tahun 2019, sebanyak 66,650 tuntutan faedah melibatkan bayaran sebanyak RM107.6 juta. Pada tahun ini sehingga 26 Jun 2020, sebanyak RM107.8 juta bayaran faedah SIP telah dibuat iaitu melibatkan sebanyak 66,204 tuntutan faedah.